



Bab 2

Islam Di Alam Melayu



Proses Pengislaman

- Abad ke-7 —13 M kebanyakannya dijalankan oleh orang-orang Arab sendiri.
- Abad ke-13 M dan seterusnya yang dijalankan oleh mubaligh-mubaligh India, Arab dan juga orang-orang tempatan.

Aliran pemikiran

- Perubahan luaran: antara 1200-1400M bidang Fiqhiah banyak berperanan sedangkan konsep Tauhid masih kabur.
- Perubahan jiwa: Pada tahun 1400-1700M di samping meneruskan proses fiqhiah didedahkan ilmu Tasawuf dan Tauhid
- Tahun 1700 M dan seterusnya, di samping menyambung tahap-tahap (1) dan (2) di atas, tahap inilah bermulanya proses Westernisation, rasionalisme, individualisme dan sekularisme.



Faktor Kedatangan Islam ke Nusantara

- Faktor perdagangan telah membawa orang-orang Arab ke Nusantara, yaitu sejak zaman Jahiliah lagi.
- Kegiatan-kegiatan dakwah Islamiah pada peringkat awalnya adalah dilakukan oleh orang-orang Arab sendiri.
- Missi-missi dakwah Islamiah ke Nusantara telah bermula sejak zaman Rasulullah lagi, dan semakin diperhebatkan oleh Umar Abdul Aziz. Semuanya ini berlaku sepanjang abad pertama Hijrah lagi.



Teori-Teori Kedatangan Islam

Beberapa teori telah dikemukakan tentang asal-usul Agama Islam di Nusantara sama ada ianya datang melalui:-

- India
- China atau
- Terus dari Arab atau Parsi.

Teori dari India

- Van Ronkel berkata Islam dibawa dari India Selatan alasannya bentuk-bentuk popular Islam seperti ciri-ciri mistik, sastera roman dan sebagainya di Indonesia itu adalah berasal dari India Selatan.
- Moquette pula mengemukakan bukti tentang adanya kesamaan batu-batu nisan di Pasai (1428) dan di Gerisek (1419) dengan batu nisan di Gujerat.
- G.E. Morrison berpendapat Bengal-lah yang lebih dulu menerima Islam dari Gujerat iaitu setelah ditawan oleh orang-orang Islam sejak awal abad ke-13 M >>>

Teori dari India

- Gujarat bermazhab Hanafi, sedangkan Nusantara seperti Bengal yang bermazhab Shafie. Sebab itu Bengal lebih menasabah dari Gujarat sebagai tempat kedatangan Islam.
- Ada yang mengatakan Islam dibawa dari pantai Malabar (Coromandel), sebab kawasan ini menganut mazhab Shafie.
- Dikatakan Fakir Muhammad berasal dari Malabar dan mengislamkan Merah Silu (Malikus-Salleh) di Pasai. Hamka mengatakan Malabar hanya tempat persinggahan Syeikh Ismail yang diutus oleh Sharif Makkah untuk mengislamkan Merah Silu.

Teori dan China/Indochina

- Syed Naguib Al-Attas berkata pemberontakan di Canton pada tahun 877M (263H) mengorbankan lebih 120,000 kebanyakannya beragama Islam (Arab dan Parsi) menyelamatkan dirinya dengan berhijrah ke Kalah (Kedah).
- S.Q. Fatimilah berkata adanya kerajaan Bani Champa (1000-1471M) merupakan pelarian Syiah Alawiyah dari Damshik. Hujahnya ialah Batu Bersurat di Terengganu tarikh 1303M yang menyamai batu nisan di Champa Selatan. >>>

Teori dan China/Indochina

- S.Q Fatimi mengatakan ada persamaan nisan Fatimah binti Maimon 1082M di Leran, Jawa Timur dengan batu-batu nisan di Phan-rang, Champa Selatan 1039M dan 1035M.
- Batu Bersurat di Teluk Cik Munah, Pahang yang tarikhnya dikatakan 419H (1028M), iaitu lebih awal dari Batu Bersurat di Terengganu yang bertarikh 702 H (1303 M) itu. Bukti ini dapat juga menunjukkan bahawa kemungkinan Islam masuk melalui Pantai Timur dari China atau Indochina.



Teori dari Arab/Parsi

- Bukti untuk menguatkan teori ini tidaklah sukar dicari, memadai dengan meninjau kegiatan pedagang-pedagang Arab di kawasan Asia Tenggara
- Kata Wang Gungwu dan C.A. Majul sejak pedagang-pedagang Arab memonopoli kegiatan-kegiatan perdagangan dari India dan Mesir, mereka mulai menguasai perdagangan 'Nanhai' (Asia Tenggara).

Hujjah Syed Muhammad Al-Naguib Al-Attas

- Hasil kesusasteraan keagamaan yang telah merujuk kepada sumber-sumber tulisan lama Islam
- Mubaligh-mubaligh lama Islam di daerah ini terdiri dari orang-orang Arab atau Arab/Parsi seperti yang ternyata pada gaya nama dan gelaran mereka masing-masing.

>>>



Hujjah Syed Muhammad Al-Naguib Al-Attas

- Kandungan faham keagamaan yang dibawa oleh mereka adalah bersifat Timur Tengah, bukan India seperti
 - penghuraian akidah,
 - Ilmu Tasawuf,
 - bentuk tulisan Jawi,
 - nama gelaran bagi hari-hari mingguan,
 - cara melafazkan Al-Quran

Hujjah Hamka

- Pengislaman ke negeri-negeri Melayu adalah langsung dari Makkah iaitu dengan terutusnya Syeikh Ismail oleh Sharif Makkah yang singgah di Malabar untuk mengambil 'Fakir Muhammad' (keturunan Abu Bakar Al-Siddiq) menyertainya ke Nusantara utk mengislamkan Merah Silu.
- Pengislaman Parameswara dilakukan oleh Sayyid Abdul Aziz yang datang dari Jeddah.

>>>

Hujjah Hamka

- Pengislaman di Aceh dirintis oleh Syeikh Abdullah Arif yang datang dari Tanah Arab bersama muridnya Burhanuddin.
- Maulana Malik Ibrahim (salah seorang Wali Songo) yang turut memelopori penyiaran Islam di Jawa adalah keturunan Ali Zainal Abidin, cucu Sayidina Ali bin Abi Talib.
- Susan Gunung Jati atau Sharif Hidayatullah salah seorang Wali Songo yang turut mengembangkan Islam di Jawa juga dikatakan keturunan bangsawan Quraisy. >>>

Hujjah Hamka

- Pengislaman Raja Kedah seperti tersebut dalam Hikayat Merong Mahawangsa dilakukan oleh Syeikh Abdullah Yamani, seorang ulama Arab.
- Pengislaman di Sukadana, Kalimantan dilakukan oleh Syeikh Shamsuddin dari Makkah.
- Sampai kini Raja-Raja Brunei menganggap bahawa nenek-moyang mereka adalah bangsa Arab, keturunan Nabi. >>>



Hujjah Hamka

- Kemasukan Islam ke Mindanao dimulai oleh keturunan-keturunan Sharif dari Makkah, seperti Sharif Kebungsuan yang datang dari Johor
- Pengislaman di Pulau Sulu diusahakan oleh Sayyid Abdul Aziz yang mengislamkan Parameswara.
- Sezaman dengan tegaknya kerajaan Samudera-Pasai dengan kerajaan Mameluk di Mesir yang menganut mazhab Shafie.



Faktor-Faktor Perkembangan Islam

Empat metodologi dakwah Islamiah

- Isi kandungan ajaran Islam.
- Hikmah atau cara penyampaian.
- Pendakwah.
- Masyarakat.



Isi Kandungan Ajaran Islam

- Ajaran Islam yang mudah difahami
- Mudah pula diamalkan
- Pokok ajaran Islam terletak kepada konsep Tauhid
- Tidak berbelit-belit agama-agama lain.
- Islam tidak membezakan seseorang individu dengan individu lain.
- Islam juga mudah diterima kerana ada persamaan setengah nilai-nilai tempatan seperti mistik Melayu dengan Tasawuf Islam.

Metode atau hikmah dalam penyampaian

Firman Allah s.w.t.

- *Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk. (Surah al Nahl: 125). >>>*



Metode atau hikmah dalam penyampaian

- Supaya mudah menendekati penduduk-penduduk Nusantara, pendakwah-pendakwah terpaksa berbicara dalam bahasa yang mudah difahami.
- Bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca juga dibuat atas dasar persamaan sifatnya dengan bahasa Arab sendiri. >>>



Metode atau hikmah dalam penyampaian

- Melalui bahasa Melayu itu, timbullah ulama-ulama yang giat berdakwah melalui tulisan. Maka terkenallah nama-nama seperti Hamzah Al-Fansuri, Nuruddin Al-Raniri, Bukhari, Al-Jauhari, Shamsuddin Al-Sumatrani, Abdul Rauf Singkel dan lain-lain.
- Melalui karya-karya merekalah agama Islam dapat tersiar dengan lebih meluas dan pesat. Semuanya dengan menggunakan bahasa Melayu, iaitu bahasa Islam di rantau ini. >>>

Metode atau hikmah dalam penyampaian

- Khusus di Tanah Jawa penyiaran Islam tidak dapat dilakukan melalui bahasa Melayu, maka untuk mendekati mereka, terpaksa para-para mubaligh bertolak-ansur dengan sebahagian cara hidup mereka. Dengan itu lahirlah mubaligh-mubaligh di Jawa yang lebih terkenal dengan gelaran 'Wali Songo'. Antara wali-wali sembilan yang sangat berjaya dalam penyiaran Islam secara pewayangan ini ialah Sunan Giri dan Sunan Bonang. >>>



Metode atau hikmah dalam penyampaian

- Penyesuaian bentuk-bentuk wayang tradisi Jawa dengan wayang Islam berlaku baik dalam bentuk maupun isinya disesuaikan dengan semangat Islam. Misalnya cerita-cerita Pandawa Lima merupakan simbol Rukun Islam yang lima, atau Lima Waktu Solat.
- Penaklukan di Nusantara lebih bermotif politik atau ekonomi sedangkan Islam hanya tersebar secara tidak langsung saja.
- Penaklukan oleh kerajaan Melaka atau Aceh bukannya untuk menyebarkan Islam tetapi implikasinya Islam lalu tersebar ke negeri-negeri taklukannya.

Pendakwah

- Islam adalah agama dakwah
- Tugas berdakwah bukannya hak sesuatu pihak
- Setiap Muslim wajib berdakwah sekadar kesanggupan
- >>>

Pendakwah

- Firman Allah s.w.t Terjemahan:
Sesungguhnya orang-orang Yang sebenarnya beriman hanyalah orang-orang Yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang Dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang Yang benar (pengakuan imannya). (Surah al Hujurat: 15). >>>

Pendakwah

- Dituntut agar dibentuk sekumpulan orang yang khusus bertugas untuk berdakwah tanpa mengenenpikan peranan pihak-pihak lain.

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ

وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

- *Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak Yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada Segala Yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang berjaya. (Surah ali Imran: 104). >>>*

Pendakwah

- Terdapat golongan pendakwah 'profesional' dan 'sambilan' yang menimbulkan teori mubaligh (missionary theory) sebagai salah satu faktor perkembangan Islam.
- Di antara pendakwah yang profesional itu seperti Syeikh Ismail yang diutus khas oleh Sharif Makkah ke Samudera, Sayyid Abdul Aziz, seorang makhdum dari Jeddah yang mengislamkan Parameswara, Syeikh Abdullah Yamani, seorang ulama Makkah yang mengislamkan Raja Kedah dan sebagainya. >>

Pendakwah

- Peranan ahli-ahli Sufi dalam penyebaran Islam di Nusantara yang paling terkenal sekali ialah 'Wali Songo' yang dikatakan sangat berjasa di Jawa itu.
- Terdapatlah para pedagang yang juga berperanan sebagai pendakwah.
- Hubungan perdagangan yang erat antara Jawa dengan Melaka.
- Hubungan inilah yang menimbulkan semacam anggapan bahawa "tanah Jawa diislamkan oleh Melaka".
- Perang Salib (1097-1292) pedagang-pedagang Islam semakin ghairah malah berlumba-lumba untuk menyiarkan Islam. >>>

Masyarakat

- Pendakwah yang baik ialah yang dapat memahami corak masyarakat.
- Kejayaan besar dakwah Islamiah di Nusantara adalah disebabkan para pendakwah yang pintar.
- Mereka sedar bahawa masyarakat feudal Melayu sangat dihormati.
- Apabila raja-raja mereka sudah memeluk Islam, maka rakyat pun berbondong-bondonglah mengikuti jejak raja.
- Faktor perkahwinan diraja juga sangat berkesan dalam menyebarkan Islam. >>>



Masyarakat

- Perkahwinan Parameswara dengan puteri raja Pasai, atau perkahwinan puteri-puteri raja Melaka sendiri dengan raja-raja di tanah jajahannya
- Sebagai suatu ikhtiar agar para-para pedagang terus menetap di dalam negerinya, mereka digalakkan berkahwin dengan puteri pembesar-pembesar tempatan.
- Walaupun motif ekonomi tetapi implikasinya sangat penting dari segi perkembangan Islam.
- Walau bagaimana pun faktor HIDAYAH itulah yang menentukan segala-galanya.



Pengaruh Islam Di Alam Melayu

- Zaman Pra Islam
 - Animinsma, Hindu dan Budha
- Kedatangan Islam mempengaruhi dalam:
 - Akidah
 - Ibadah
 - Syariat
 - Akhlak



ZAMAN HINDU-BUDDHA DI ASIA TENGGARA

- Masyarakat tempatan sedikit banyaknya telah dicorakkan oleh pengaruh-pengaruh Hindu.
- Golongan bangsawan sajarah yang menganuti agama Hindu dengan bersungguh-sungguh.
- Masyarakat umumnya, mereka lebih asyik kepada sifat kesenian daripada sifat falsafah, sejajar dengan bawaan asli mereka sendiri.
- Agama Buddha kurang kesannya kecuali bidang kesenian seperti terjelma pada candi Borobodur itu.
- Faktor bahasa juga menghalang pengaruh Hindu atau Budha secara meluas.

MUNCULNYA ZAMAN BARU DI ASIA TENGGARA

- Timbulnya Zaman Pertengahan di Eropah disebabkan kebangkitan Islam di Asia Barat.
- Kehancuran Zaman Pertengahan dan timbulnya Zaman Renaissance sebagai asas Zaman Moden di Eropah
- Ini berlaku kerana wujud perhubungan mereka dengan tamadun Islam
- Hal yang sama berlaku di Nusantara >>>

MUNCULNYA ZAMAN BARU DI ASIA TENGGARA

- Pengaruh Islam di Nusantara telah menyebabkan berlakunya proses Islamisasi.
- Kebanjiran istilah-istilah Arab turut merubah world-view orang-orang Melayu
- Kedatangan Islam bukan hanya bermakna kedatangan suatu agama dan suatu bahasa, bahkan dari segi sosialnya, terbentuk pula suatu konsep bangsa yang dinamakan bangsa Melayu. >>>

MUNCULNYA ZAMAN BARU DI ASIA TENGGARA

- Dari segi politik tertubuhnya kerajaan-kerajaan Melayu-Islam iaitu di Pasai, Aceh, Demak dan sebagainya.
- Islam berjaya pula meninggalkan kesan di dalam sistem perundangan Melayu
- Dari segi ekonominya pula, kedatangan Islam ternyata sekali membawa revolusi besar dalam perdagangan >>>



MUNCULNYA ZAMAN BARU DI ASIA TENGGARA

- Kedatangan Islam-lah maka kegiatan-kegiatan perdagangan meluas sehingga tidak lagi terbatas di Lautan India, bahkan sampai menjangkau Laut Merah, ke Laut Parsi, ke Laut Meditteranean, dan seterusnya ke pelabuhan-pelabuhan Eropah.
- Kedatangan Islam menjadi punca kehidupan masyarakat Kepulauan Melayu telah beralih dari India ke Timur Tengah
- Semua perubahan-perubahan yang berlaku ini menyebabkan timbulnya suatu Zaman Baru



Sumbangan Islam Kepada Tamadun Melayu

- Sebelum kedatangan Islam penduduk di Nusantara umumnya beragama Hindu.
- Islam memperkenalkan sistem zakat, fitrah, sedekah, kafarah, wakaf dan sistem Baitulmal yang merupakan fenomena baru dalam masyarakat Melayu
- Kedatangan Islam telah membuka fikiran orang Melayu maka lahirlah rasionalisme dan intelektualisme dalam masyarakat Melayu >>>



Sumbangan Islam Kepada Tamadun Melayu

- Kelahiran unsur rasionalisme menjadi cabaran kepada unsur khurafat, dongeng, khayalan, fantasi, dewa-dewa dan pari-pari.
- Kedatangan Islam mendorong ke arah penghayatan ilmu pengetahuan dan daya berfikir menyebabkan lahirnya buku-buku ilmiah.
- Agama Islam dengan semangat jihadnya memberi inspirasi untuk menyintai tanahair
- Islam berperanan menyatupadukan tenaga politik setempat menentang penjajah dari Barat.

Ciri-ciri kebudayaan Islam di Nusantara

- Wujud persaudaraan di dalam sebuah-sebuah kampung.
- Masjid merupakan tempat tumpuan terutama pada hari-hari Jumaat
- Masjid merupakan balai permesyuaratan





Ciri-ciri kebudayaan Islam di Nusantara

- Agama mendapat tempat yang begitu baik
 - Melahirkan keamanan
 - Kesejahteraan
 - Bersatu padu
 - Kasih sayang
- Islam sebagai agama yang menggalakkan perkembangan ilmu >>>



Ciri-ciri kebudayaan Islam di Nusantara

- Pusat-pusat pendidikan Islam didirikan
 - Masjid
 - Surau
 - Sekolah agama
 - Quran
 - Fekah
 - Tasawuf
 - Bahasa Arab dan lain-lain lagi. >>>



Ciri-ciri kebudayaan Islam di Nusantara

- Undang-undang Islam Mazhab Shafie
- Pengaruh undang-undang Islam
 - Undang-undang Luaran di Filipina
 - Hukum Kanun Melaka di Semenanjung Tanah Melayu.
 - Undang-undang adat terpengaruh dengan undang-undang Islam.



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kebudayaan

Bidang politik

- Sistem Kesultanan Melayu Melaka.
- Negeri-negeri yang lain seperti Terengganu dan Pahang.
- Undang-undang Melaka
- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Pahang 1592
- Kerajaan Aceh menjalankan undang-undang Islam >>>



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kebudayaan

Bidang sosial

- Islam telah memperkenalkan konsep sama rata
- Wujud unsur demokrasi sebagai ganti sistem kasta Hindu
- Islam telah menghapuskan semangat kedaerahan
- Islam membentuk perpaduan melalui konsep ummah
- Proses perpaduan dicapai melalui perlakuan ibadat >>>



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kebudayaan

Bidang ilmu >>>

- Apabila memeluk agama Islam mereka mempelajari Quran
- Tujuan menunaikan fardu sembahyang
- Tahap ini digalakkan belajar membaca
- Diikuti pula dengan proses pembelajaran
- Penulisan bahasa Melayu menggunakan huruf Quran
- Buku-buku mengenai agama Islam dikarang



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kebudayaan

- **Bidang ilmu**
- Lahirlah institusi-institusi agama Islam
 - Madrasah
 - Surau
 - Masjid
 - Pondok
 - Langgar
 - Rangkang
 - Pesantren (Pulau Jawa disamakan dengan universiti Islam)
- Pengajian agama Islam serta penulisan yang bercorak keislaman telah menggalakkan perkembangan bahasa Melayu

Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kesusasteraan

- Zaman permulaan Islam pendakwah telah menulis
 - Risalah agama mengenai rukun iman rukun Islam
 - Ditulis berkenaan cerita-cerita
 - Hikayat Nur Muhammad
 - Hikayat Makjizat Nabi
 - Hikayat Nabi Bercukur
 - Hikayat Nabi Wafat
 - Hikayat Nabi Mikaj
 - Hikayat Nabi Muhammad Dengan Iblis.
 - Hikayat Puteri Salamah - tugas seorang isteri dalam Islam.
 - Hikayat Seribu Masalah - dialog Nabi dengan Yahudi
 - Hikayat Nabi Mengajar Ali
 - Hikayat Nabi Mengajar Anaknyanya Fatimah
- Hikayat Nabi Dengan Orang Miskin, dan lain-lain. >>>



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kesusasteraan

- Cerita-cerita Dalam al-Quran
 - Hikayat Nabi Sulaiman
 - Hikayat Nabi Musa
 - Hikayat Nabi Yusuf
 - Hikayat Nabi Zakaria
 - Hikayat Lumkan al- Hakim
 - Hikayat Nabi Allah Ayub
 - Hikayat Nabi Musa Munajat dan lain-lain. >>>



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kesusasteraan

- Cerita-cerita sahabat Nabi dan tokoh Islam
 - Hikayat Abu Bakar
 - Hikayat Amir al-Mu'minin Umar
 - Hikayat Abu Syahmah
 - Hikayat Abu Bakar dan Rahib Yahudi
 - Hikayat Raja Khandak
 - Hikayat Hassan dan Hussain
 - Hikayat Tamin al-Dari dan lain-lain. >>>



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kesusasteraan

- Cerita-cerita pahlawan Islam
 - Hikayat Amir Hamzah
 - Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
 - Hikayat Semaun
 - Hikayat Bayan Budiman
 - Hikayat Kalilah Dan Daminah
 - Hikayat Bakhtiar, dan lain-lain. >>>



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kesusasteraan

- Cerita-cerita tentang ahli-ahli sufi
 - Hikayat Sultan Ibrahim
 - Hikayat Abu Yazid Bistami
 - Hikayat Syeikh Abdul Kadir Jailani
 - Hikayat Rabe'ah >>>



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Kesusasteraan

- Cerita-cerita rekaan
 - Hikayat Raja Damsyik
 - Hikayat Jauhar Manikam
 - Hikayat Hassan Damsyik
 - Hikayat Sultan Bustaman
 - Hikayat Gul Bakawali
 - Hikayat Umar Umayyah



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Puisi Melayu

- Hamzah Fansuri
 - Penulis tasawuf
 - Syair Dagang
 - Syair Burung Pungguk
 - Syair Perahu
 - Syair Burung Pinggai
 - Syair Sidang Fakir >>>



Pengaruh Islam Di Alam Melayu - Puisi Melayu

- Syekh Abdul Rauf Singkel
 - Bercorak tasawuf
 - Syair Makrifat
- Abdul Rauf
 - Syair Takrif al-Huruf (tasawuf)
- Tanpa pengarang
 - Syair Makrifat dan Alam Tasawuf
 - Syair Mistik dan Tauhid
 - Syair Unggas Bersoal Ilmu Akhirat
 - Syair Kiamat
 - Syair Cerita Dalam Kubur.

Pengaruh Islam Di Alam

Melayu - Perlembagaan

- Agama Islam ialah agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu
- Dalam perlembagaan Malaysia Bab (3)
 - Ceraian (1), iaitu agama Islam menjadi agama Persekutuan Tanah Melayu.
 - Ceraian (2) pula menyatakan bahawa di tiap-tiap negeri, melainkan Melaka dan Pulau Pinang, kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama
 - Pulau Pinang dan Melaka Bab (3) itu menyebutkan:
"Perlembagaan-perlembagaan negeri Melaka dan Pulau Pinang akan mengandungi syarat-syarat untuk menganugerahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri itu



Pengaruh Islam Di Alam

Melayu - Perlembagaan

- Dalam bidang perundangan mengenai hal-hwal agama Islam kerajaan negeri mempunyai kuasa penuh.
- Kerajaan Pusat tidak boleh membuat sesuatu undang-undang berhubung dengan agama Islam, tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan dengan kerajaan negeri yang bersangkutan.

Pengaruh Islam Di Alam

Melayu - Perlembagaan

- Menurut perlembagaan itu, bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua agama di negeri baginda sendiri dan juga di negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang
- Di tiap-tiap buah negeri Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk sebuah pejabat agama untuk mengendalikan pentadbiran hal-ehwal agama Islam.



Pengaruh Islam Di Alam

Melayu - Perlembagaan

- Majlis ini diketuai oleh seorang Yang di-Pertuan.
- Kadi-kadi dan Kadi Besar yang bertanggungjawab bagi membicarakan soal:
 - Perceraian
 - Khalwat
 - tidak berpuasa di bulan Ramadan
 - enggan menunaikan sembahyang Jumaat
 - bersekedudukan



Pengaruh Islam Di Alam

Melayu - Perlembagaan

- Majlis agama juga bertanggungjawab mengeluarkan tauliah kepada guru-guru agama Islam di dalam tiap-tiap negeri itu.
- Mufti berperanan mengeluarkan fatwa berkaitan kepentingan agama
- Majlis Agama bertanggungjawab mengenai harta wakaf dan Baitulmal dan mentadbirkannya untuk kebajikan orang Islam.

Pengaruh Islam Di Alam

Melayu - Perlembagaan

- Perlembagaan Malaysia Bab (12) Ceraian (2) menyatakan: "Undang-undang Persekutuan membolehkan diberi bantuan kewangan khas untuk mengadakan atau menanggung tempat-tempat pengajian Islam, atau mengadakan pengajaran agama Islam kepada orang-orang Islam.
- Undang-undang Pelajaran 1956 Bahagian 49 antaranya menyebutkan. "Manakala ada 15 orang murid atau lebih beragama Islam di sebuah sekolah yang menerima bantuan, maka guru agama hendaknya diadakan."



Pengaruh Islam Di Alam

Melayu - Perlembagaan

- Jabatan Perdana Menteri mempunyai peruntukan khas untuk mengendalikan hal ehwal agama Islam, misalnya pentadbiran Masjid Negara terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.
- Bantuan kewangan juga diberi kepada pertubuhan-pertubuhan Kebajikan Islam untuk usaha-usaha penyiaran Islam di kalangan penduduk Tanah Melayu dan lain-lain lagi.
- Jabatan Perdana Menteri menjalankan aktiviti dakwah melalui Instituti Dakwah Islam dan kegiatan penyelidikan melalui Pusat Penyelidikan Islam Jabatan Perdana Menteri



Tamadun Melayu sebagai asas pembinaan Tamadun Malaysia

- Malaysia sekarang adalah lanjutan daripada politik-politik Melayu seperti Melaka, Johor, Perak, Pahang, Selangor, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan.
- Ia ada kesinambungan dengan pelbagai kerajaan Melayu yang pernah wujud seperti Srivijaya, Temasik (Singapura), Langkasuka, Melaka dan Johor-Riau-Lingga
- Kesemua politik ini dikenali sebagai Alam Melayu atau Nusantara.
- Paksi utama yang menyumbang kepada pembinaan dan pemantapan Tamadun Malaysia ialah Tamadun Melayu
- Pengaruh Islam menjadikan negeri-negeri Melayu memiliki kanun perundang yang berasaskan adat Melayu dan perundangan Islam.



Tamadun Melayu sebagai asas pembinaan Tamadun Malaysia

- Undang-undang Melayu:-
 - Melaka memiliki Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka
 - Johor dengan Undang-undang Johor dan Undang-undang Tubuh Negeri Johor (1895)
 - Pahang dengan Undang-undang Pahang
 - Kedah dengan Undang-undang Kedah
 - Terengganu dengan Itqan Al-Mulk (Perlembagaan Negeri Terengganu 1911)
 - Perak dengan Undang-undang II dan Undang-undang Keturunan Daripada Turun Negeri Perak
 - Negeri Sembilan pula dengan Hukum Adat atau Undang-undang Adat >>>



Tamadun Melayu sebagai asas pembinaan Tamadun Malaysia

- Tamadun Melayu telah dimantapkan oleh Islam
- Islam terus menjadi faktor definitif Melayu, iaitu Melayu mengamal adat Melayu, berbahasa Melayu dan beragama Islam.
- Perkembangan Islam di Alam Melayu menggunakan bahasa Melayu. >>>



Tamadun Melayu sebagai asas pembinaan Tamadun Malaysia

- Bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam
 - Tulisan
 - Kitab-kitab agama
 - Kesusasteraan Melayu
 - Komunikasi >>>



Tamadun Melayu sebagai asas pembinaan Tamadun Malaysia

- Akta Pendidikan 1961, telah menetapkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama sistem pendidikan negara, dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia juga menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan agama Islam. <<TAMAT>>